

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY
BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 19 JULAI 2022 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah polisi Kerajaan dalam mengelakkan situasi anti persaingan berlaku lagi sepertimana yang telah berlaku kepada syarikat e-hailing dalam negara yakni “Grab 2.0” di mana syarikat-syarikat baharu sukar untuk bersaing dengan si monopoli, rakyat terpaksa membayar caj lebih tinggi dan para pekerja industri kurier tidak lagi mempunyai pilihan yang banyak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan adalah komited dalam memastikan aspek kemampuan dan persaingan yang sihat diamalkan di dalam setiap perniagaan dan sebarang penyediaan perkhidmatan kepada orang ramai. Sebagai salah satu bukti akan kesungguhan Kerajaan, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Suruhanjaya Persaingan atau MyCC), satu badan bebas telah ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Peranan utama MyCC adalah untuk melindungi proses persaingan bagi kepentingan perniagaan, pengguna dan ekonomi.

Mengenai soalan yang dibangkitkan berkaitan perkhidmatan e-hailing, seperti yang dilaporkan di dalam media-media massa, pihak MyCC juga telah menjalankan siasatan ke atas pihak operator penyedia perkhidmatan *e-hailing* dan mengambil tindakan-tindakan yang diperuntukkan di bawah Akta Persaingan 2010. Namun, perkara melibatkan operator berkaitan sedang di dalam proses di Mahkamah, maka tidak bolehlah saya untuk mengulas dengan lebih lanjut, kerana kita harus menghormati sistem perundangan negara dan Mahkamah secara khususnya.

Di peringkat MOT dan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), aspek persaingan yang sihat adalah dikawalselia menerusi penetapan peraturan-peraturan pelesenan dan pengoperasian yang dikenakan sama kepada semua atau mana-mana operator yang menyediakan perkhidmatan *e-hailing*. Tiada terdapat sebarang halangan kepada mana-mana pihak tidak menghalang mana-mana syarikat untuk menyediakan perkhidmatan *e-hailing* di bawah lesen perniagaan pengantara selagi mana mereka memenuhi semua peraturan kriteria yang telah ditetapkan.

Namun begitu, pengoperasian semua perkhidmatan e-hailing adalah dikawal selia sama ada oleh APAD mahupun Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Negeri Sabah dan Sarawak. Sekiranya

SOALAN NO: 86

terdapat sebarang isu berbangkit atau aduan mengenai pengoperasian perkhidmatan e-hailing termasuk mengenai kadar tambang yang dilaporkan tinggi, agensi-agensi terlibat akan melaksanakan siasatan ke atas setiap perkara tersebut bagi melindungi hak pengguna selain memastikan kemampanan dan daya saing perkhidmatan ini untuk tempoh masa panjang. Tindakan boleh diambil ke atas penyedia-penyedia perkhidmatan termasuk dikenakan tindakan notis saman, mengkatung atau membatalkan lesen perniagaan pengantaraan pihak terbabit sekiranya didapati melanggar sebarang peraturan pelesenan dan pengoperasian yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.